

## SINOPSIS

Seri Betara Majapahit berbincang dengan Patih Gajah Mada untuk menewaskan Melaka setelah \_\_\_\_\_ penjurit tujuh bersaudara yang dibunuh oleh laksamana di \_\_\_\_\_. Justeru, Patih Gajah Mada bercadang meminta pertolongan \_\_\_\_\_ untuk membunuh Sultan Melaka dan Laksamana. Kertala Sari bersetuju dengan permintaan Patih Gajah kerana ingin membalas dendam atas kematian ayahnya yang juga dibunuh oleh Laksamana Melaka. Setelah itu, Patih Gajah Mada membawa Kertala Sari mengadap Seri Betara Maharaja lalu menerangkan bahawa Kertala Sari merupakan penjurit yang sangat handal. Contohnya, kehebatan Kertala Sari mengalahkan \_\_\_\_\_ seorang diri. Oleh sebab kehebatan Kertala Sari, Seri Betara menitahkan penjurit itu segera pergi ke Melaka untuk membunuh Sultan Melaka dan Laksamana Melaka. Kertala Sari ditawarkan jawatan \_\_\_\_\_ kepadanya sekiranya berjaya.C

Di Melaka, Kertala Sari menyamar sebagai \_\_\_\_\_. Kertala Sari telah \_\_\_\_\_ harta saudagar-saudagar dan orang-orang kaya serta mencabuli isteri-isteri mereka. Sultan Melaka berasa bimbang lalu menitahkan agar Temenggung serta orangnya \_\_\_\_\_ dan mengawal keadaan negeri Melaka dari kejadian kecurian. Namun, kecurian terus berlaku sehingga melibatkan rumah Bendahara. Kegagalan menangkap Kertala Sari disebabkan oleh Kertala Sari menggunakan \_\_\_\_\_. Melihat keadaan huru-hara yang berlaku, \_\_\_\_\_ menawarkan diri kepada Sultan untuk mengawal istana kerana mengikut firasatnya penjurit akan masuk ke istana pula. Hasilnya, rancangan Kertala Sari untuk mencuri harta raja, membakar dan mengamuk serta mengambil isteri-isteri sultan telah menemui \_\_\_\_\_ kerana kebijaksanaan, kecekapan dan ilmu yang dimiliki oleh Laksamana. Malah, Kertala Sari berjaya dibunuh oleh Laksamana \_\_\_\_\_. Kemaluan Kertala Sari dipotong sebagai bukti dibunuh olehnya. Mayat Kertala Sari telah \_\_\_\_\_ anggota badannya oleh penduduk yang menjumpai mayat tersebut untuk dibuktikan kepada sultan bahawa merekalah yang telah membunuh Kertala Sari. Namun, Laksamana telah menunjukkan \_\_\_\_\_ kepada sultan bahawa beliaulah yang telah berjaya membunuh Kertala Sari. Baginda sultan telah memberikan kurnia kepada Laksamana atas kejayaan tersebut.

Semua hasil curi yang telah disimpan di Bukit Cina oleh Kertala Sari berjaya ditemui. Sultan telah mengarahkan semua empunya barang untuk menuntut barang-barang tersebut. Baginda sultan telah menitahkan supaya empunya barang-barang tersebut memberikan \_\_\_\_\_ daripada barang-barang tersebut kepada Laksamana. Namun, Laksamana tidak bersetuju dengan perintah Sultan, Laksamana bersetuju untuk mengambil satu bahagian. Bahagian tersebut kemudian telah diagihkan kepada tiga bahagian; satu bahagian untuk \_\_\_\_\_, satu bahagian untuk \_\_\_\_\_, dan satu bahagian untuk \_\_\_\_\_. Laksamana tidak mengambil sedikitpun daripada harta tersebut. Akhirnya, berita kematian Kertala Sari yang dibunuh oleh Laksamana telah sampai ke pengetahuan Patih Gajah Mada di Majapahit. Patih Gajah Mada tidak putus asa terus mencari orang yang dapat membunuh Sultan dan Laksamana Melaka.